

04/08/1999

Cuepacs teliti pandangan mengenai SSB

PADANG BESAR, Selasa - Cuepacs sedang menyiapkan semakan gaji anggota sektor awam di seluruh negara untuk diserahkan kepada kerajaan tidak lama lagi bagi mendapatkan pertimbangan.

Kertas kerja itu antara lain mengandungi penilaian dan pandangan kesatuan terbabit mengenai Sistem Saraan Baru (SSB) yang diperkenalkan sejak tujuh tahun lalu.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata Cuepacs tidak menentang pelaksanaan SSB tetapi berpendapat wujud beberapa kelemahan yang perlu dibaiki demi kepentingan kakitangan sektor awam.

"Kita sedar, tiada suatu sistem yang dapat memuaskan hati semua pihak, cuma Cuepacs mahu beberapa kelemahan dalam pelaksanaan SSB diatasi," katanya selepas majlis Perasmian Seminar Kajian Semakan Gaji Anggota Sektor Awam, di sini, hari ini.

Seminar sehari yang dihadiri 160 anggota Cuepacs, termasuk dari Sabah dan Sarawak itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Siva berharap permintaan Cuepacs tidak akan diputar belit pihak tertentu sebagai tuntutan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Katanya, pihaknya berpegang kepada prinsip bahawa setiap tuntutan mesti dilakukan secara tertib dan tertakluk kepada disiplin, selain menjamin hubungan baik antara kesatuan dan kerajaan sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, banyak tuntutan Cuepacs dipenuhi kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini manakala sebahagian lagi dalam perhatian, hasil hubungan baiknya dengan kerajaan, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

(END)